

09/08/2001

Pendekatan mesra selesai isu tuntutan ke atas Sabah

KUALA LUMPUR, Rabu - Filipina dan Malaysia bersetuju menggunakan pendekatan mesra bagi menyelesaikan isu tuntutan ke atas Sabah.

Persetujuan itu dicapai dalam perbincangan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo yang kini dalam lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia.

Pada sidang akhbar hari kedua lawatannya hari ini, Arroyo berkata, isu itu dibincangkan dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir semalam.

"Kami bersetuju bahawa kita perlu bergerak ke hadapan dalam mencapai satu persetujuan bersama mengenainya dan Dr Mahathir faham yang perkara ini perlu dibuat secara perlahan.

"Sehubungan itu, kita perlu menubuhkan satu panel yang dapat mengkaji bagaimana isu ini dapat ditangani secara mesra," katanya.

Ini adalah pertama kali kedua-dua pemimpin negara itu membincangkan isu tuntutan ke atas Sabah dalam pertemuan empat mata.

Pemerhati menyifatkan persetujuan kedua-dua pemimpin itu sebagai perkembangan positif ke arah mencapai penyelesaian terhadap isu yang berlarutan sejak mendiang ayah Arroyo, Presiden Diosdado Macapagal, membangkitkan tuntutan itu.

Tuntutan Filipina ke atas Sabah dibuat berasaskan alasan Kesultanan Sulu menyerahkan kedaulatan wilayahnya kepada negara itu pada 1962.

Malah, Filipina menyatakan keinginannya untuk mendapat kebenaran mencelah perbicaraan kes tuntutan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) yang membabitkan Malaysia dan Indonesia pada bulan lalu.

Arroyo berkata, beliau akan mengarahkan Setiausaha Hal Ehwal Luarnya untuk meneliti dan memulakan usaha penubuhan panel berkenaan.

Ditanya sama ada Filipina akan menggugurkan tuntutan itu, Arroyo berkata: "Tidak, tidak... saya tidak kata macam itu. Perkara ini akan mengambil masa yang lama dan tidak adil jika saya tidak berbincang dengan masyarakat di Selatan (Filipina) dan malah di utara. Yang pasti, kita perlu lihat kepada penyelesaiannya."

Arroyo berkata, Manila akan masuk campur dalam mana-mana prosiding antarabangsa yang membabitkan dua pulau itu.

(END)